

02/04/1999

Mahathir rasmi pameran anjuran Spark Manshop

PERDANA Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan merasmikan Pameran Pengeluar Pakaian Lelaki di Grand Ballroom, Hotel Shangrila Kuala Lumpur pada 6 April ini.

Pameran yang bertema 'Kisah Kejayaan Malaysia: Wawasan dan Inovasi' itu akan berlangsung selama dua hari hingga 8 April. Ia dianjurkan oleh Spark Manshop Sdn Bhd (Spark Manshop), rangkaian pembuat pakaian lelaki utama di negara ini.

Spark Manshop dalam kenyataan yang dikeluarkan di Kuala Lumpur, semalam, menyatakan Perdana Menteri juga akan menyaksikan satu pertunjukan fesyen yang diadakan sempena pameran itu.

Katanya, pertunjukan fesyen itu akan memperagakan fesyen dan rekaan sut lelaki yang dicipta oleh Spark Manshop dan ia akan dibuka kepada orang ramai pada 7 April dari jam 6 petang hingga 10 malam.

Pameran itu antara lain akan menceritakan sejarah fesyen lelaki dan industri pengeluaran pakaian lelaki selain mempamerkan jenis kain, potongan dan rekaan fesyen lelaki terbaru.

Antara peserta lain yang akan menyertai pameran itu ialah pengeluar kain antarabangsa seperti Carlo Barbera, Loro Piana, Ermenegildo Zegna, Thomas Mason, Valentino, Versace dan pengeluar zip terkenal, YKK.

Pengarah Urusan Spark Manshop, JJ Lim, berkata pameran itu adalah untuk meraikan ulang tahun ke-21 Spark Manshop bertapak dalam industri pakaian dan pertukangan jahit lelaki di Malaysia.

Spark Manshop memulakan operasinya pada 1978 di Plaza Sungai Wang, Kuala Lumpur dan sehingga kini, ia mempunyai 29 rangkaian kedai jahit di seluruh negara.

Syarikat itu sudah mempelbagaikan kegiatannya dalam industri pakaian lelaki di negara ini dengan mengeluarkan pakaian siap dan pakaian tradisional dengan jenama Sabiro, Canali dan Warisan.

(END)